



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 Oct 2020 (Jumaat)

Berita Harian

Sultan Selangor mahu ahli politik contohi akhlak Rasulullah 1

Utusan Malaysia

Ahli politik wajar contohi akhlak Rasulullah 2

Sebatian organik punca pencemaran sungai 3

Bukan kuasa speaker lantik ahli PAC 4

Harian Metro

Punca cemar dicam 5

Lima kluster baharu di tiga negeri 6

Kosmo

Sultan Selangor nasihat ahli politik 7

Yang di-Pertuan Agong ucap tahniah kepada Cikgu Sam 8

Sebatian organik punca pencemaran 9

Sisa minyak di alur sungai selesai dibersihkan-LUAS 10

Sinar Harian

Pemantauan ketat PKPD di Plaza Hentian Kajang 11

LZS bantu keluarga jatuh miskin akibat Covid-19 12

Ahli politik perlu contohi Rasulullah 13

Bekalan makanan mencukupi di kawasan PKPD 14

Astro Awani

Sultan Selangor Seru Ahli Politik Sokong Kerajaan Tangani Covid-19 15

RTM1

Akhlak Mulia Dan Kebijaksanaan Rasulullah Jadi Contoh 16

Selangor TV

ADN Sentosa Pantau Projek Baik Pulih Longkang 17

Belanjawan Selangor 2021, Esok! 18

Peristiwa Keputeraan Nabi Muhammad, Sejarah Maha Agung – MB 19

Sultan Selangor: Hayati Ajaran Islam Bimbingan Rasulullah 20

The Star

Separation anxiety 21

MBSA MATTERS 22

MBSJ LICENCE RENEWAL 23

MPKL PARKS 24

ROAD CLOSURES 25

Three new councillors sworn in at MBSA 26

EdgeProp.my

Mb four potential causes of water pollution detected in selangor 27

Lite FM

4 potential water pollution incidents averted, says Selangor MB 28



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Sin Chew Daily

Test before state assembly and officials and media all pass	29
Selangor Sultan decree to imitate the prophet character, "Politicians must fight the pandemic together"	30
Kuang street lights fail one after another and 2 main roads are dark at night	31
MB submitted today, live stream Selangor Budget on the official website	32
Appears overnight, who throws the garbage? Garbage dump is higher than the garbage room	33
Added 3 functions to the complaint app, MPK: It can also make report and suggestions	34
Ampang Taman Putra Jalan Bunga Cempaka 2, 70% of big ditch improvement work was completed	35
Selangor government helped to enhance the efficiency of patrols, 8 jet skis and 10 mountain bikes were presented to the police	36

Guang Ming Daily

Concerned about the Hulu Langat River pollution incident, a task force was established to investigate water source pollution	37
MPS bans illegal dumps and confiscates machinery and tools	38

Makkal Osai

Support govt's efforts in Covid-19 fight	39
--	----

Malaysia Nanban

Support govt's efforts in Covid-19 fight	40
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 October 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor mahu ahli politik contohi akhlak Rasulullah
Muka Surat	:	2

Sultan Selangor mahu ahli politik contohi akhlak Rasulullah

Bersatu padu, sokong usaha kerajaan tangani penularan COVID-19

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, mahu akhlak mulia dan kebijaksanaan Rasulullah dalam menyatupadukan umat dijadikan contoh oleh ahli politik.

Baginda bertitah, ahli politik perlu bersatu padu dan menyokong usaha kerajaan dalam mengatasi penularan wabak COVID-19.

Ahli politik juga, titah Sultan Sharafuddin, perlu berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik demi memastikan rakyat terus hidup aman damai, makmur dan harmoni.

"Rakyat sedang berhadapan dengan kemelut ekonomi yang merudum akibat wabak COVID-19. "Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan amat penting untuk meneruskan agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara," titah baginda.

Sultan Selangor bertitah demikian dalam perutusan sempena sambutan Maulidur Rasul 1442 Hijrah yang dimuat naik di laman

Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan amat penting untuk meneruskan agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara.

Sultan Sharafuddin Idris Shah,
 Sultan Selangor



Facebook Selangor Royal Office, semalam.

Baginda juga mengajak umat Islam terus menghayati dan menghidupkan dua peninggalan Rasulullah SAW, iaitu al-Quran dan sunnah dalam kehidupan harian.

"Nabi Muhammad seorang in-

san mulia dan agung. Baginda adalah anugerah Allah kepada umat manusia di muka bumi ini.

"Baginda Rasulullah adalah khalifah kepada sekalian umat yang mengajar manusia mengenai persaudaraan, akhlak mulia serta erti kehidupan sebenarnya," titah baginda.



Paparan video melalui Facebook live Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, malam tadi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ahli politik wajar contohi akhlak Rasulullah
Muka Surat	:	5



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

Ahli politik wajar contohi akhlak Rasulullah

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan ahli-ahli politik menjadikan akhlak mulia dan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menyatupadukan umat sebagai contoh supaya.

Dengan itu titah baginda, mereka akan bersatu padu serta menyokong penuh usaha kerajaan dalam mengatasi masalah penularan pandemik Covid-19.

Sultan Selangor menerusi kenyataan yang dimuat naik

dalam laman sosial Facebook rasmi Selangor Royal Office bertitah, rakyat sedang berhadapan dengan kemelut ekonomi yang merudum akibat pandemik.

"Beta mahu ahli-ahli politik bersatu dan berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik demi memastikan rakyat terus hidup aman damai, makmur dan harmoni.

"Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan adalah amat penting untuk meneruskan

agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara," titah baginda.

Sultan Sharafuddin turut bertitah, rakyat juga perlu menghayati dan mengamalkan ajaran Islam seperti yang diajar serta dibimbing oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

"Baginda Rasulullah SAW seorang insan mulia dan agung yang merupakan anugerah Allah SWT kepada umat manusia di muka bumi ini.

"Rasulullah SAW adalah seorang khalifah kepada sekalian umat yang mengajar manusia tentang persaudaraan, akhlak yang mulia serta erti kehidupan yang sebenarnya.

"Sempena sambutan Maulidur Rasul, beta menyeru umat Islam supaya terus menghayati dan menghidupkan dua peninggalan Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan as-Sunnah dalam kehidupan harian," titah baginda.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sebatian organik punca pencemaran sungai
Muka Surat	:	11

Sebatian organik punca pencemaran sungai

SEREMBAN: Sebatian organik 'Dimethyl Disulfide' ditemukan dalam analisis sampel yang diambil dari lokasi punca pencemaran Sungai Batang Benar, Nilai.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S. Veerapan berkata, sebatian itu kebiasaannya digunakan sebagai bahan tambahan dalam industri makanan dan bahan pemangkin industri petrokimia.

Bagaimanapun menurutnya, bahan berkenaan mampu memberi kesan buruk kepada alam sekitar jika diuruskan tidak mengikut kaedah sebenar seperti mengakibatkan kematian tumbuh-tumbuhan.

"Keputusan ini diperoleh 24 Oktober lalu hasil analisis lima sampel tanah yang diambil di sekitar belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, yang menjadi punca pencemaran sungai berkenaan.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan mengemukakan keputusan analisis ke Bahagian Bahan Berbahaya bagi pengelasan bahan yang dibuang," katanya di sini.

Beliau mengulas perkembangan terkini kes berkenaan yang mengakibatkan dua loji rawatan air iaitu di Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi di Selangor dihenti tugas.

Pada 5 Oktober lalu, Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan bahan buangan dan sebatian organik tersisa ditemukan di kawasan belukar tersebut.

Susulan itu tiga lelaki ditahan di Kota Bharu, Kelantan dengan dua daripadanya ditahan pada 6 Oktober dan 12 Oktober lepas, bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Pencemaran itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang menjejaskan sejumlah 309,687 akaun pengguna di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.



KERATAN AKHBAR
30 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bukan kuasa speaker lantik ahli PAC
Muka Surat	:	29

Bukan kuasa speaker lantik ahli PAC

Oleh **ASLINDA NASIR**
 Aslinda.nasir@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hanya dibuat oleh Jawatankuasa Pemilih yang dianggotai kalangan ahli Parlimen bukannya Speaker Dewan Rakyat.

Menurut Speaker Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun, Jawatankuasa Pemilih kini dianggotai antaranya Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Ahli Parlimen Gombak), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (Bagan Datuk), Datuk Hamzah Zainudin (Larut), Datuk Seri Fadillah Yusof (Petra Jaya), Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Marang) serta Datuk Seri Anwar Ibrahim (Port Dickson).

Katanya, ia kemudiannya akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk pengesahan pada persidangan Dewan Rakyat minggu depan.

"Ahli-ahli PAC berserta dengan Pengerusinya perlu dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dan kemudiannya dibentangkan di Dewan Rakyat untuk pengesahan Dewan.

"Pengerusi PAC telah dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dan pelantikan beliau baru dibentangkan di Dewan Rakyat dan disahkan pada hari terakhir pada persidangan yang lalu iaitu pada 27 Ogos 2020.

"Selepas itu, kita telah menetapkan mesyuarat Jawatankuasa Pemilih untuk melantik ahli-ahli PAC yang lain pada 27 Oktober. Akan tetapi mesyuarat itu tidak dapat diadakan kerana PKPB, jadi jelas bahawa proses pelantikan ini perlu dipatuhi. Pejabat Speaker tidak mempunyai kuasa untuk melantik ahli-ahli PAC secara senang senang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Beliau mengulas gesaan

Pengerusi PAC Wong Kah Woh untuk memastikan anggota baharu Jawatankuasa Kira-kira Wang Parlimen dilantik ketika sidang Dewan Rakyat bermula Isnin ini.

Katanya, jawatankuasa itu tidak dapat menjalankan tugasnya kerana anggota baru belum dilantik.

"Saya akan lakukan yang terdaya untuk membolehkan ahli-ahli PAC dilantik secepat mungkin demi membolehkan operasi PAC dapat dimulakan dengan segera," jelasnya.

Azhar pada masa sama turut menjelaskan, sepucuk surat bertarikh 8 Oktober telah dihantar kepada semua anggota Jawatankuasa Pemilih untuk meminta pencalonan ahli-ahli PAC.

Namun setakat ini, hanya Ahli Parlimen Bagan Datuk yang telah mencadangkan seorang ahli PAC sementara cadangan daripada ahli Parlimen lain sedang diproses.



AZHAR AZIZAN HARUN



KERATAN AKHBAR		
30 October 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Punca cemar dicam
Muka Surat	:	4

Punca cemar dicam

Bernama

Seremban

Sebatian organik jenis Dimethyl Disulfide dikenal pasti punca Sungai Batang Benar, Nilai tercemar

Keputusan awal analisis sampel yang diambil dari lokasi punca pencemaran Sungai Batang Benar, Nilai, mendapati ia adalah sebatian organik jenis *Dimethyl Disulfide*.

Pencemaran yang berlaku awal Oktober lalu itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang menjejaskan 309,687 akaun pengguna di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepingunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, ke-



DUA lelaki (baju biru dan merah) yang disyaki terabit dalam kes pencemaran Sungai Batang Benar, Nilai ditahan Oktober lalu bagi membantu siasatan.

» **INFO**

DIMETHYL DISULFIDE

Satu sebatian organik yang biasanya digunakan sebagai bahan tambahan dalam industri makanan.

Turut digunakan sebagai bahan pemangkin dalam industri petrokimia.

putusan itu diperoleh Sabtu lalu hasil daripada analisis ke atas lima sampel tanah yang diambil di sekitar belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, yang menjadi punca pencemaran di sungai berkenaan.

"*Dimethyl Disulfide* adalah satu sebatian organik yang

biasanya digunakan sebagai bahan tambahan dalam industri makanan dan juga digunakan sebagai bahan pemangkin dalam industri petrokimia.

"Walaupun maklumat sudah diperolehi daripada siasatan dijalankan ke atas suspek dan beberapa lagi pihak yang berkaitan, Jabatan Alam Sekitar (Jas) Negeri

Sembilan masih meneliti semua fakta kes yang diperolehi sepanjang siasatan sebelum rumusan dapat dibuat," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perkembangan terkini kes berkenaan yang mengakibatkan dua loji rawatan air iaitu di Sungai Semenyih dan Bukit Tampo di Selangor dihenti tugas sebelum ini.

Pada 5 Oktober lalu, Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan bahawa sejumlah bahan buangan serta bahan sebatian organik tersisa ditemukan di belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, yang menjadi punca pencemaran di Sungai Batang Benar.

Susulan itu, tiga lelaki berumur 30-an hingga 40-an ditahan di Kota Bharu, Kelantan dengan dua daripadanya ditahan pada 6 Oktober dan 12 Oktober lalu bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.



LONGGOKAN sampah dapat dilihat jelas terapung pada permukaan sungai yang dibuang individu tidak bertanggungjawab ketika tinjauan di Sungai Batang Benar, Nilai, Oktober lalu. Kementerian Alam Sekitar dan Air dalam kenyataannya berkata, kawasan belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai dikenal pasti sebagai lokasi utama punca pencemaran yang menyebabkan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Lima kluster baharu di tiga negeri
Muka Surat	:	8

Kuala Lumpur: Sebanyak lima lagi kluster baharu Covid-19 dikesan di tiga negeri iaitu Sabah, Selangor dan Negeri Sembilan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama dikenal pasti adalah Kluster Sakti yang dilaporkan di Lahad Datu, Sabah.

"Kes indeks kluster ini dikenal pasti melalui hasil saringan di tempat kerja pada 5 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat dilakukan mengenal pasti 17 lagi kes positif. Sehingga jam 12 tengah hari, 154 in-

Lima kluster baharu di tiga negeri

dividu disaring dengan 18 kes positif, 101 negatif dan 35 individu masih menunggu keputusan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua pula adalah Kluster Tuguson di Kota Belud, Sabah.

"Kes indeks bagi kluster ini membabitkan dua individu dikesan positif hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Kota Belud.

"Saringan kontak rapat di-

lakukan mendapati 17 lagi kes positif. Sehingga kini, 146 individu disaring dengan 18 kes dikesan positif dan 128 individu menunggu keputusan," katanya.

Menurutnya, kes indeks bagi Kluster Bah Medan yang dilaporkan di Sepang, Selangor dikenal pasti positif melalui saringan individu pulang dari Sabah pada 3 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat dilakukan mengenal pasti 19 lagi kes positif yang dimasukkan ke Hospital Sungai

Buluh. Seramai 52 individu disaring dengan 20 kes dikesan positif dan 32 individu masih menunggu keputusan.

"Kluster keempat iaitu Kluster Taman Laut dilaporkan di Petaling, Selangor dengan kes indeks bagi kluster ini adalah hasil saringan individu bergejala pada 21 Oktober lalu.


"Saringan kontak rapat dilakukan mendapati lima lagi kes positif bagi kluster ini. Seramai 123 individu disaring dengan enam kes po-

sitif, 18 negatif dan 99 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Katanya, kluster kelima pula adalah Kluster Taman Bunga yang dilaporkan di Seremban, Kuala Pilah dan Jelebu, Negeri Sembilan.

"Kes indeks kluster dikenal pasti melalui hasil saringan individu bergejala pada 25 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar.

"Saringan kontak rapat dilakukan mengenal pasti 22 lagi kes positif. Sehingga



DR Noor Hisham

jam 12 tengah hari, 55 individu disaring dengan 23 kes positif, 25 lagi negatif dan tujuh masih menunggu keputusan," katanya.



KERATAN AKHBAR
30 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor nasihat ahli politik
Muka Surat	:	7

Akhlak, kebijaksanaan Rasulullah perlu dicontohi

Sultan Selangor nasihat ahli politik

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya ahli-ahli politik mencontohi akhlak dan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menyatupadukan umat.

Titah baginda, ahli-ahli politik juga perlu bersatu padu dan menyokong usaha kerajaan sedia ada dalam usaha mengatasi masalah penularan pandemik Covid-19.

Sultan Sharafuddin bertitah, rakyat kini sedang berhadapan dengan kemelut ekonomi yang merudum akibat pandemik berkenaan.

“Beta mahu ahli-ahli politik bersatu dan berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik demi memastikan rakyat terus hidup aman damai, makmur dan harmoni.

“Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan amat penting untuk meneruskan agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara,” titah baginda menerusi kenyataan di laman sosial Facebook rasmi Selangor Royal Office semalam.

Sultan Sharafuddin turut menitahkan rakyat supaya menghayati dan mengamalkan ajaran Islam seperti diajar serta dibimbing oleh Nabi Muhammad SAW.

“Rasulullah adalah seorang



GAMBAR Sultan Sharafuddin bersama Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin di Masjid Nabawi, Madinah ketika menunaikan umrah pada 2018 yang dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office semalam.

khalifah kepada sekalian umat yang mengajar manusia tentang persaudaraan, akhlak yang mulia serta erti kehidupan yang sebenarnya.

“Sempena sambutan Mauli-

dur Rasul, beta menyeru umat Islam supaya terus menghayati dan menghidupkan dua peninggalan Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan as-Sunnah dalam kehidupan harian,” titah baginda.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Yang di-Pertuan Agong ucap tahniah kepada Cikgu Sam
Muka Surat	:	7

Yang di-Pertuan Agong ucap tahniah kepada Cikgu Sam

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengucapkan tahniah kepada guru Bahasa Inggeris, Samuel Isaiah kerana dipilih sebagai 10 finalis Anugerah Hadiah Guru Global 2020.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, Al-Sultan Abdullah menzahirkan rasa sukacita dan bangga baginda atas dedikasi serta usaha murni guru muda itu dalam mendidik murid-murid sehingga terpilih sebagai calon untuk menerima anugerah itu.

"Kejayaan guru muda dari Kuantan itu sekali gus mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

"Sehubungan itu, Al-Sultan Abdullah menzahirkan harapan semoga pencapaian hebat



SAMUEL dipilih sebagai 10 finalis Anugerah Hadiah Guru Global 2020.

dan komitmen beliau menjadi sumber inspirasi dan contoh kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya para guru untuk memberi yang terbaik dan berusaha mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing di dalam negara mahupun di persada dunia," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Runchang, Muadzam Shah, Pahang, itu terpilih sebagai 10 finalis Anugerah Hadiah Guru Global 2020.

Samuel atau lebih mesra dipanggil Cikgu Sam dipilih daripada 12,000 pencalonan dari lebih 140 negara.

Anugerah yang menawarkan hadiah AS\$1 juta (RM4.16 juta) adalah program pengiktirafan guru dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sebatian organik punca pencemaran
Muka Surat	:	14

Dimethyl Disulfide dikesan dalam sampel tanah di Sungai Batang Benar

Sebatian organik punca pencemaran

Oleh NOR AINNA HAMZAH

NILAI – Sebatian organik jenis *Dimethyl Disulfide* telah dikesan dalam analisis sampel tanah yang diambil dari lokasi punca pencemaran air di Sungai Batang Benar di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S. Veerapan berkata, keputusan awal itu diperolehi pada 24 Oktober lalu hasil daripada analisis yang dijalankan ke atas lima sampel tanah tersebut.

Menurutnya, sampel berkenaan diambil di sekitar belukar pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai yang menjadi punca pencemaran sungai berkenaan.

"Sebatian organik ini kebiasaannya digunakan sebagai bahan tambahan dalam industri makanan dan juga untuk bahan pemangkin industri petrokimia.

"Bagaimanapun, bahan ini



GAMBAR fail menunjukkan pencemaran Sungai Batang Benar di Nilai pada 5 Oktober lalu.

mampu memberi kesan buruk kepada alam sekitar yang boleh menyebabkan pokok serta tumbuh-tumbuhan mati sekiranya

tidak diuruskan mengikut kaedah yang betul," katanya ketika dihubungi semalam.

Veerapan memberitahu,

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan telah mengemukakan keputusan analisa kimia sampel tanah ke Bahagian Bahan

Berbahaya Ibu Pejabat JAS untuk pengelasan bahan yang dibuang berkenaan.

Pada 5 Oktober lalu, sejumlah bahan buangan dan sebatian organik tersisa ditemui di belukar pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai yang menjadi punca pencemaran di Sungai Batang Benar.

Kejadian itu mengakibatkan dua loji rawatan air iaitu di Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi di Selangor terpaksa dihenti tugas.

Masalah itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual berlaku sehingga menjejaskan 309,687 akaun pengguna di sekitar Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Susulan kejadian itu, tiga lelaki yang berusia antara 30 hingga 40 tahun ditahan di Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini.

Kesemua mereka ditahan bagi membantu siasatan kes di bawah Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana mencemarkan tali air atau sungai.



KERATAN AKHBAR 30 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sisa minyak di alur sungai selesai dibersihkan-LUAS
Muka Surat	:	14



Sisa minyak di alur sungai selesai dibersihkan – LUAS

KAJANG – Sisa minyak hitam yang dipercayai dibuang pihak penjenayah alam sekitar di alur sungai di Jalan KB1/9 Kampung Baru Balakong, Seri Kembangan dekat sini telah dibersihkan malam kelmarin.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dalam satu kenyataan berkata, kerja-kerja pembersihan sisa minyak hitam itu selesai pukul 11.30 malam kelmarin.

Katanya, proses pembersihan dilaksanakan secara manual oleh pekerja awam berikutan kuantiti minyak yang mencemari alur sungai adalah sedikit.

“Pihak LUAS telah menggunakan kontraktor pembersihan bagi menjalankan kerja-kerja itu di tapak kejadian dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Indah Water Konsortium.

“Namun, pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa termasuk mengesan sekiranya terdapat sisa minyak yang mengalir di Sungai Balak dan Sungai Langat,” katanya di akaun Facebooknya semalam.

Kosmo! semalam melaporkan jutaan penduduk Lembah Klang sekali lagi nyaris terputus bekalan air apabila berlaku pencemaran sisa minyak hitam di alur sungai di Kampung Baru Balakong pada Selasa lalu.

Bagaimanapun, tindakan pantas LUAS berjaya menghalang sisa minyak hitam itu daripada mengalir terus ke Sungai Balak dan seterusnya ke Sungai Langat yang menjadi sumber air mentah Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2, LRA Labohan Dagang dan LRA Bukit Tampoi.



KERATAN AKHBAR
30 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pemantauan ketat PKPD di Plaza Hentian Kajang
Muka Surat	:	9

Pemantauan ketat PKPD di Plaza Hentian Kajang

BANGI - Seramai 215 kakitangan pelbagai agensi terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Plaza Hentian Kajang sejak kelmarin hingga 10 November ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat, Najmuddin Jemain berkata, daripada jumlah itu, seramai 93 kakitangan terlibat dalam operasi saringan Covid-19 di kawasan itu.

“Perkembangan mengenai jumlah kes dan penghuni yang menjalani saringan di kawasan tersebut hanya akan dimaklumkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah atau Kementerian Kesihatan,” katanya pada sidang akhbar di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat di sini semalam.

Najmuddin berkata, anggota polis pula bertanggungjawab melaksanakan kawalan di kawasan itu dengan bantuan Ang-



Najmuddin memberi maklumat terkini PKPD di Plaza Hentian Kajang pada sidang media di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat semalam.

katan Tentera Malaysia.

Beliau berkata, kenderaan yang membawa barangan keperluan pula boleh keluar masuk dengan kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala pejabat agensi kerajaan serta swasta ditutup sepanjang tempoh PKPD.

Tambahnya, penduduk yang bekerja tidak dibenarkan keluar dari kawasan berkenaan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan perlu membenarkan individu berkenaan bekerja dari rumah.

Bagaimanapun, katanya, kedai pembekalan barangan asas dan runcit dibenarkan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 2 petang, tetapi ketua keluarga atau seorang wakil dari sebuah rumah sahaja dibenarkan membeli barangan keperluan.

Terdahulu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan PKPD di Plaza Hentian Kajang bermula kelmarin hingga 10 November susulan peningkatan kes positif Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LZS bantu keluarga jatuh miskin akibat Covid-19
Muka Surat	:	22

LZS bantu keluarga jatuh miskin akibat Covid-19

Oleh NURULFATIHAH MUAH

PENANGAN Covid-19 bukan sahaja memberi impak dari segi kesihatan, malah telah membejatkan ekonomi keluarga akibat hilang mata pencarian atau dipotong gaji oleh pihak majikan.

Melihat situasi berkenaan, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Saipolyazan M Yusop berkata, pihaknya menyediakan Bantuan Alternatif Insan Terkesan (BAIT) yang akan diberikan kepada 5,000 hingga 6,000 keluarga miskin sementara yang terkesan akibat pandemik itu.

Jelas beliau, menerusi unjuran dilakukan pihaknya pada bulan April dan Mei lalu, LZS menjangkakan peningkatan jumlah asnaf sehingga 80,000 keluarga di negeri itu pada tahun ini.

"Dalam program BAIT yang dimulakan bulan ini, mereka akan diberikan bantuan selama tiga hingga enam bulan iaitu sebanyak RM500 hingga RM1,500 sebulan dan juga bantuan lain yang diperlukan mengikut keadaan keluarga masing-masing.

"Ia adalah antara cara kita memastikan bahawa mereka yang menjadi miskin sementara akibat Covid-19 ini dapat kita dibantu secepat mungkin.



SAIPOLYAZAN (kiri) dan Azhar meletakkan Sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat Korporat di McDonald's Pandu Lalu Mutiara Damansara baru-baru ini.

"Bantuan secara sekali gus (*one-off*) ini dapat membantu sementara mereka mendapat pekerjaan baharu atau berniaga," katanya pada Majlis Penyerahan Sijil Zakat kepada Restoran-Restoran McDonald's di Selangor di Petaling Jaya baru-baru ini.

Pada majlis itu, LZS menyampaikan Sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat Korporat kepada pengendali rangkaian restoran McDonald's Malaysia, Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd.

Ia sebagai satu bentuk akuan kepada syarikat-syarikat yang menunaikan zakat perniagaan di Selangor. Malah, McDonald's Malaysia menjadi penerima pertama sijil berkenaan daripada LZS.

Sijil berkenaan akan dipamerkan di 94 buah restoran McDonald's di seluruh Selangor.

Sementara itu, Naib Presiden Sumber Manusia dan Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalamana McDonald's Malaysia, Azhar Darbi berkata, selain membayar zakat,

syarikat itu turut terlibat membantu golongan asnaf.

Beliau menambah, pihaknya juga bekerjasama dengan pusat-pusat zakat negeri bagi mengenal pasti anak-anak asnaf untuk diserapkan dalam Program Perantis Vokasional McDonald's Malaysia.

"Sejak 2017, sebanyak 1,200 beliau termasuk 62 anak asnaf mengikuti kursus di bawah program berkenaan.

"Sebanyak RM30,000 peruntukan disediakan bagi setiap peserta termasuk elaun bulanan sebanyak RM1,200 dan mengambil kira segala tanggungan sepanjang program dua tahun ini.

"Mereka akan mendapat Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang pengendalian makanan daripada Kementerian Sumber Manusia.

"Sebahagian mereka yang tamat pengajian telah pun mendapat tawaran bekerja dengan McDonald's Malaysia," katanya sambil memberitahu program perantis berkenaan akan diteruskan pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, McDonald's Malaysia membayar zakat korporat 2019 sebanyak RM1.4 juta untuk seluruh negara. Di Selangor sahaja, sebanyak RM101,000 zakat korporat dibayar kepada LZS.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ahli politik perlu contohi Rasulullah
Muka Surat	:	24

Ahli politik perlu contohi Rasulullah

Dalam menyatupadukan rakyat agar terus hidup aman dan harmoni

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

SHAH ALAM

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya ahli politik mencontohi akhlak dan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menyatupadukan rakyat.

Baginda bertitah, ketika ini rakyat sedang berhadapan de-

ngan kemelut ekonomi akibat wabak pandemik Covid-19.

“Ahli-ahli politik perlu bersatu dan berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik bagi memastikan rakyat terus hidup aman dan harmoni.

“Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan penting untuk meneruskan agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara,” titah baginda menerusi perutusan sempena sambutan Maulidur Rasul semalam.

Titah baginda, rakyat juga perlu menghayati dan mengamalkan ajaran Islam seperti bimbingan junjungan besar



SULTAN SHARAFUDDIN

Nabi Muhammad.

“Baginda Rasulullah SAW seorang insan mulia dan agung yang merupakan anugerah ALLAH kepada umat manusia.

“Baginda merupakan seorang khalifah yang mengajar manusia tentang persaudaraan, akhlak yang mulia serta erti kehidupan yang sebenarnya,” titah baginda.

Baginda juga bertitah, sempena sambutan Maulidur Rasul kali ini, umat Islam perlu terus menghayati dan menghidupkan dua peninggalan Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan sunnah dalam kehidupan harian.

Baginda juga bertitah, sempena sambutan Maulidur Rasul kali ini, umat Islam perlu terus menghayati dan menghidupkan dua peninggalan Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan sunnah dalam kehidupan harian.



KERATAN AKHBAR 30 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bekalan makanan mencukupi di kawasan PKPD
Muka Surat	:	24

Bekalan makanan mencukupi di kawasan PKPD

KUALA LANGAT - Bekalan makanan untuk kawasan Flat Sungai Emas, Jalan Emas 31 dan Jalan Emas 32 yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akibat koronavirus (Covid-19) mencukupi setakat ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Banting, Lau Weng San berkata, bekalan makanan diatur oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke rumah penduduk yang terlibat.

“Oleh kerana kawasan PKPD di sini tidak mempunyai kedai runcit dan kemudahan untuk membeli barangan, Pejabat Daerah dan ADUN dibenarkan mengatur gerakkan kedai runcit bergerak untuk memu-



Weng San (dua dari kiri) ketika melawat kawasan sekitar Flat Sungai Emas, Jalan Emas 31 dan Jalan Emas 32 kelmarin.

dahkan penduduk terlibat membeli barang keperluan mereka.

“Keperluan makanan dan minuman tidak menjadi masalah di sini,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

PKPD dilaksanakan di kawasan itu bermula 28 Oktober sehingga 10 November ini selepas terdapat kes positif Covid-19 melibatkan penduduk di kawasan terbabit.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 October 2020

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor Seru Ahli Politik Sokong Kerajaan Tangani Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 October 2020

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Akhlak Mulia Dan Kebijaksanaan Rasulullah Jadi Contoh
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	ADN Sentosa Pantau Projek Baik Pulih Longkang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Belanjawan Selangor 2021, Esok!
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Peristiwa Keputeraan Nabi Muhammad, Sejarah Maha Agung – MB
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor: Hayati Ajaran Islam Bimbingan Rasulullah
Muka Surat	:	-



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Separation anxiety
Muka Surat	:	1

TheStar Exclusive

By FARID WAHAB
 faridwahab@thestar.com.my

